



Pusat Kajian Lutheran
26, Jalan Pinggir, Off Jalan Istana
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Telefon: 6088231579; Fax: 6088 232618
E-mel: lsc@stssabah.org

SURAT BERITA

L. S. C.

Edisi ke-6

Jun 2016

Surat daripada Pengarah



Kelas Identiti Lutheran oleh Dr. Eric Trozzo di Pusat Kajian Lutheran

Dinding Pusat Kajian Lutheran (PKL) bergema dengan perbincangan mengenai penggunaan hukum dalam teologi Luther dan maksud Kehadiran Sebenar Kristus dalam Ekaristi. Saya sedang menulis hanya beberapa hari selepas sesi kelas terakhir Semester I untuk 2016. Untuk semester ini, enam belas pelajar dari bahagian BM dan Inggeris telah mengambil kursus pengenalan "Identiti Lutheran." Pelajar-pelajar tersebut datang dari BCCM, PCS, dan LCM. Kelas tersebut membaca beberapa tulisan Luther, membuat pembentangan mengenai sebahagian Katekismus Besar, dan menulis kertas kajian mengenai perbezaan di antara hukum dan Injil dalam teks-teks Alkitab. Proses mendalami dimensi teras teologi Lutheran telah membangkitkan minat ramai pelajar kerana ia menjangkau pemahaman teologi mereka melalui cara-cara yang baru. Saya harus mengakui bahawa saya rasa amat berbesar hati apabila pelajar datang berjumpa saya di luar kelas untuk bertanya soalan – kerana mereka ingin mengetahui, dan bukan hanya kerana ingin mengetahui apa akan keluar dalam peperiksaan! – dan untuk mendengar perbualan di luar kelas di kalangan pelajar.

Walaupun kursus ini hanya diajar setiap dua tahun, ia adalah satu blok asas dalam kerja jangka panjang PKL dalam memupuk perbincangan teologi dalam gereja Lutheran di rantau ini. Kursus tahun ini juga banyak dipertingkatkan dengan kerja-kerja pembangunan sumber yang telah dilaksanakan oleh PKL pada tahun-tahun kebelakangan ini. Sebagai contoh, terjemahan baru beberapa tulisan Luther banyak membantu keupayaan pelajar untuk menyelami pemikiran Luther. Selain kursus ini, pengakhiran semester juga menyaksikan beberapa minggu yang sibuk dengan lawatan pastor ELCA dan sarjana Lutheran, Bill Russell, dari Minneapolis. Beliau membantu memimpin seminar dengan para pastor LCM dan BCCM-Bahasa Inggeris, dan kemudian seterusnya menjalankan kajian bimbingan dengan pelajar program Sarjana kami. Kehadiran beliau di kelas STS beberapa minggu yang lepas memberi lapisan perbincangan tambahan yang berguna. Dua isu terbesar hasil daripada pelbagai forum yang diadakan untuk membincangkan teologi Lutheran adalah mengenai peranan Roh Kudus dalam teologi Lutheran dan

pemahaman teologi tentang tujuan khutbah. Kedua-dua tema ini seolah-olah mempunyai kaitan tertentu dalam konteks Sabah. Saya rasa ramai pelajar terkejut betapa pentingnya Roh Kudus dalam Katekismus Besar, dan ramai pula menerima inspirasi besar daripada huraian Luther terhadap maksud Perkara ke-3 dalam Katekismus Kecil.

Topik ini mungkin harus dipertimbangkan dengan lebih lanjut pada masa hadapan dalam acara PKL. Sementara itu, peranan perbezaan antara hukum dan Injil dalam khutbah sudah menjadi tema utama bagi tahun ini. Seperti yang akan dijelaskan dengan lebih terperinci oleh artikel lain dalam surat berita ini, kami telah memulakan surat berita berkutbah untuk penyedaran suku tahunan dari PKL untuk membantu para pastor menyediakan khutbah mereka tentang hukum/Injil, dan pada bulan Julai, Rev. Graham Harms akan memimpin seminar mengenai berkutbah dengan para pastor BCCM-BM. Saya mendapati bahawa fokus yang berterusan terhadap kedua-dua topik ini akan memberi manfaat yang besar kepada gereja-gereja di Malaysia dan Singapura.

Eric Trozzo

Dalam isu ini:

| | |
|---|---|
| Surat Berita Berkutbah | 2 |
| Pengembaraan Dr. Eric | 2 |
| Pengenalan kepada Teologi Martin Luther | 3 |
| Kerelevanan Kontemporari Pengakuan Lutheran | 3 |
| Sumber | 3 |
| Sumber (bersambung) | 4 |
| Fokus Buku | 4 |
| Pensyarah Pelawat Akan Datang | 4 |





Pusat Kajian Lutheran
26, Jalan Pinggir, Off Jalan Istana
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Telefon: 6088231579; Fax: 6088 232618
E-mel: lsc@stssabah.org

SURAT BERITA
L. S. C.

Edisi ke-6

Jun 2016

Surat Berita Berkhutbah



Surat berita berkhutbah PKL yang baru, Pathways to Preaching atau Laluan Berkhutbah, telah dilancarkan pada bulan Mac. Surat berita ini menyediakan idea untuk membantu pengkhutbah dengan penyediaan khutbah. Setiap isu mempertimbangkan dua tema dan petikan Alkitab yang berkaitan dengan tema itu. Petikan itu kemudian dipertimbangkan dengan menanyakan tiga soalan: Apakah yang difahami oleh kita mengenai hukum Tuhan di dalam petikan ini? Apakah yang difahami oleh kita mengenai rahmat Tuhan di dalam petikan ini? Apakah perubahan yang Tuhan membawa melalui petikan ini? Kemudian perbincangan tema berakhir dengan suatu renungan teologi mengenai topik-topik tersebut. Isu pertama mengandungi tema “Janji-janji Tuhan” dan “Penyaliban”. Isu kedua menghadapi tema “Keraguan” dan “Trinitas”. Surat berita ini akan dikeluarkan setiap suku tahun dalam bahasa Inggeris dan BM untuk lima gereja Lutheran di Malaysia dan Singapura. Ia disunting oleh Rev. Wendolyn Trozzo.



Pengembaraan Dr. Eric

Disebabkan oleh keperluan visanya, Dr. Eric Trozzo terpaksa menghabiskan tiga bulan di luar Malaysia, dari September- Disember 2015. Beliau menggunakan masa ini untuk mendalami hubungan PKL di luar negara. Beliau menghabiskan sebahagian besar masanya melawat India dan gereja-gereja Lutheran di sana. Beliau menyampaikan kuliah Hari Reformasi di Chennai di Seminari Teologi dan Pusat Penyelidikan Lutheran Gurukul dan bercakap dengan kakitangan Gereja-gereja

Evangelical Lutheran Bersatu di India mengenai Martin Luther. Beliau juga membawa salam kepada Sambutan Ulang Tahun ke-150 Gereja Lutheran Andhra Selatan. Semasa di luar Malaysia, Dr. Trozzo turut melawat Australia. Beliau berucap di Kolej Lutheran Australia mengenai gereja-gereja Sabah, dan juga di dua jemaah di Queensland yang mempunyai kaitan dengan Sabah. Walaupun program-program di Malaysia terpaksa dikurangkan semasa ketidadaannya, masa ini

memberikannya peluang untuk memberi tumpuan kepada peningkatan peranan PKL dalam rangkaian gereja Lutheran serantau, yang juga merupakan sebahagian daripada fungsi PKL.

“Iman adalah keyakinan yang hidup dan berani pada rahmat Tuhan, begitu yakin dan percaya sehingga seorang boleh mempertaruhkan nyawanya pada rahmat Tuhan sebanyak seribu kali.”
Martin Luther



FAITH
is like Wi-Fi,
it's invisible but
it has the power
to connect you to
what you need.



Pusat Kajian Lutheran

26, Jalan Pinggir, Off Jalan Istana
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Telefon: 6088231579; Fax: 6088 232618
E-mel: lsc@stssabah.org

SURAT BERITA

L. S. C.

Edisi ke-6

Jun 2016



Pengenalan kepada Teologi Martin Luther

Pada bulan April, PKL telah mengadakan seminar dengan para pastor BCCM-Inggeris. Seminar tersebut berlangsung selama dua hari, dan meliputi beberapa elemen asas mengenai teologi Lutheran. Seramai lima belas peserta mengambil bahagian. Dr. Eric Trozzo dan Dr. Bill Russell telah memimpin sesi-sesi. Topik-topik termasuk: Membezakan Antara Hukum dan Injil, Pemikiran Dua Kerajaan, Teologi Salib, dan Teologi Sakramen. Terdapat banyak perbualan yang menarik mengenai topik-topik seperti peranan gereja dalam menangani isu-isu sosial dan butir-butir mengenai amalan Perjamuan Kudus.

Kerelevanan Kontemporari mengenai Pengakuan Lutheran

Ketika di Malaysia, Dr. Russell juga menghabiskan masa dengan Gereja Lutheran di Malaysia. Beliau memimpin acara pendidikan lanjutan dua hari, dan bercakap mengenai kerelevanan berterusan Pengakuan Lutheran untuk gereja hari ini. Beliau juga melawat dua jemaah untuk membawa salam dan mengadakan perbincangan.



Dr. Bill Russell dengan para peserta seminar di Kuala Lumpur




Dr. Russell di Gereja Lutheran di Pusat Lutheran Malaysia di KL

Sumber

Kami terus menghasilkan sumber BM untuk mengkaji Luther dan teologi Lutheran. Sumber-sumber baru yang terdapat kini termasuk: Jilid kedua Buku Konkord dalam Bahasa Indonesia kini boleh didapati dalam bentuk digital atas permintaan. Jilid penulisan pengakuan Lutheran ini termasuk *Apology to the Augsburg Confession*, *Treatise on the*

Power and Supremacy of the Pope, dan *Formula of Concord*. Jilid pertama telah dicetak tiga tahun yang lalu; jilid ini melengkapkan set tersebut dan termasuk indeks untuk kedua-dua jilid.

Terjemahan beberapa tulisan Luther telah disediakan untuk kelas Identiti Lutheran.





Pusat Kajian Lutheran
26, Jalan Pinggir, Off Jalan Istana
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Telefon: 6088231579; Fax: 6088 232618
E-mel: lsc@stssabah.org

SURAT BERITA
L. S. C.

Edisi ke-6

Jun 2016

Sumber (sambungan...)

Tulisan-tulisan tersebut termasuk *Heidelberg Disputation, How Christians are to Regard Moses, A Brief Explanation of What to Look For and Expect in the Gospel*, dan *Two Kinds of Righteousness*. Buat masa ini, terjemahan ini hanya boleh didapati untuk kegunaan bilik darjah, tetapi mudah-mudahan ia mungkin boleh diperolehi secara meluas pada masa akan datang.

Kami masih mempunyai banyak salinan Katekismus Kecil dalam BM. Sila hubungi pejabat PKL jika anda berminat.

Kami masih mempunyai salinan Pengenalan kepada Etika Lutheran dalam bahasa Inggeris. Buku ini adalah kompilasi pembentangan topik-topik etika dari seminar-seminar PKL yang lepas.

Pejabat PKL juga boleh membantu mengarahkan mereka yang sedang mencari sumber dalam bahasa Cina.

Fokus Buku



Abundant Harvest

Salah satu tambahan baru-baru ini ke perpustakaan PKL adalah *Abundant Harvest: Stories of Asian Lutherans* (Lutheran University Press, 2012). Buku ini bertujuan memberikan "sejarah umat" Lutheran di Asia. Ia tidak memberitahu semua butir-butir sejarah Lutheranisme di Asia, ia memberi tumpuan kepada cerita mengenai pemimpin Lutheran asli dari Asia, yang kebanyakannya

mungkin dikenal baik oleh pembaca. Para Lutheran di diaspora Asia juga dipertimbangkan. Buku ini boleh diperolehi dalam gaya penulisannya dan memberi potret yang baik mengenai pelbagai ekspresi Lutheran di seluruh Asia. Ia adalah tambahan yang berguna dalam mengiktiraf Lutheranisme Asia sebagai masyarakat yang hidup dan yang setia dan bukannya memberi tumpuan semata-mata kepada struktur-struktur institusi.

Pensyarah Pelawat Akan Datang

PKL akan mengalu-alukan dua lagi pensyarah pelawat tahun ini.

Dalam bulan Julai, Rev. Graham Harms akan datang dari Gereja Lutheran Australia. Rev. Harms tidak asing kepada STS atau PKL. Beliau adalah bekas ahli fakulti di STS dan baru-baru ini telah mengambil bahagian dalam beberapa seminar PKL. Pada tahun lepas, dia telah bercakap mengenai tafsiran Luther tentang Galatia. Tahun ini, beliau akan mengetuai satu seminar dengan BCCM-BM pada hari Sabtu, 16 Julai di Pusat Kajian Lutheran.

Topiknya adalah "Alkitab dan Berkhutbah," di mana beliau akan membincang tentang pemahaman Lutheran terhadap Hukum dan Injil di dalam khutbah.

Pada bulan Oktober, Dr. Uwe Hummel dari Misi 21 akan datang melawat. Beliau kini mengajar di STT Banjarmasin di Indonesia. Beliau akan memimpin seminar dan kajian bimbingan dalam Bahasa Malaysia mengenai Eklesiologi Reformasi dan kerelevanannya kepada Asia Tenggara yang kontemporari. Kami mengalu-alukan sumbangan yang akan dibawa oleh mereka berdua.